KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 06.09.22 | MUKA SURAT | : | 8 |
| JABATAN | : | TNB | | | |

# TNB, NUR Power kerjasama sedia tenaga pintar

**Tenaga Nasional Bhd** (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan N.U.R Power Sdn Bhd (NUR Power) untuk menyediakan penyelesaian tenaga pintar dan tenaga boleh baharu (TBB) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan.

Sumber disediakan kepada pelanggan NUR Power di kawasan perindustrian Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kedah serta kawasan lain yang berlesen di bawah NUR Power.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenainya ditandatangani bagi membolehkan pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) atas bumbung, solar berskala besar serta penyediaan prasarana pengecas kenderaan elektrik dapat diberikan kepada seluruh pelanggan di kawasan KHTP.

Memandangkan permintaan global untuk tenaga hijau terus berkembang, NUR Power komited melabur dalam mengembangkan tenaga solar bagi meningkatkan bekalan TBB dan menuju ke arah pematuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi menarik pelabur asing serta domestik.

Melalui kerjasama ini, TNB memperoleh rakan strategik lain bagi melaksanakan inisiatif TBB bersama dengan NUR Power sebagai pembekal elektrik eksklusif kepada KHTP dan kawasan berlesen lain.

Pelanggan di KHTP dapat menikmati kelebihan harga kompetitif untuk penyelesaian solar atas bumbung daripada kerjasama antara anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX dan anak syarikat milik NUR Power, JS Solar.

## Peralihan ke tenaga hijau

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata kerjasama antara TNB dan NUR Power menandakan satu perkembangan yang amat memberangsangkan kepada negara dan TNB kerana ia sejajar aspirasi TNB, iaitu mempercepatkan peralihan tenaga kepada tenaga hijau.

"TNB berhasrat untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan satu daripada inisiatif utama untuk mencapai aspirasi ini adalah melalui membina kerjasama utama dan memperkukuh perkongsian yang akan membantu kami memacu agenda Peralihan Tenaga dengan lebih jauh lagi.

"Ini adalah selaras agenda kerajaan berhubung kapasiti TBB dan inisiatif hijau sejajar dengan kami menuju ke arah masa depan yang lebih baik dan cerah untuk rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Beliau memeterai MoU itu bagi pihak TNB pada satu majlis di Putrajaya baru-baru ini, manakala NUR Power diwakili Pengarah Urusan, Ikwan Hafiz Jamaludin.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Kanan, (Bekalan Elektrik) Kementerian Tenaga & Sumber Asli (KeTSA) Mareena Mahpudz dan Ketua Pengawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Datuk Hamzah Hussin.

Sementara itu, Ikwan Hafiz berkata, kerjasama TNB dan NUR Power akan dapat mempertingkatkan pembangunan TBB bagi pengguna tenaga elektrik di KHTP melalui pemindahan kepakaran dan teknologi antara kedua-dua pihak.

BH060922